



**JABATAN PERTAHANAN AWAM  
MALAYSIA**  
(Kementerian Dalam Negeri)

**BUKU PANDUAN  
PENGURUSAN DAN LATIHAN  
KADET PERTAHANAN AWAM  
MALAYSIA**

Cetakan Pertama 2006

Cetakan Kedua 2008

**KATA ALU-ALUAN  
KETUA PENGARAH PELAJARAN  
MALAYSIA**

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pendidikan 1979 memberi fokus kepada keberkesanan pelaksanaan dasar pendidikan yang dapat melahirkan masyarakat bersepadu, berdisiplin dan terlatih. Justeru itu Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan supaya penerapan nilai-nilai disiplin dan nilai-nilai murni dilaksanakan secara bersepadu, merentasi semua aktiviti sekolah, sama ada di dalam bilik darjah mahupun dalam aktiviti kokurikulum, khususnya aktiviti **pasukan pakaian seragam**. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran supaya semua pelajar terutamanya di sekolah menengah menganggotai **pasukan pakaian seragam**.

Penubuhan pasukan kadet di sekolah-sekolah adalah di antara usaha Kementerian Pelajaran ke arah mencapai hasrat tersebut. Namun demikian, sekolah-sekolah kini masih memerlukan khidmat tenaga mahir bagi tujuan latihan, di samping mendapatkan lain-lain kemudahan logistik dan bimbingan. Saya percaya dengan kerjasama dan bantuan agensi-agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, nescaya segala kekangan dan masalah dapat diatasi dan menjadikan kegiatan pasukan pakaian seragam lebih menarik serta diminati pelajar.

Salam hormat dan Selamat Maju Jaya!

**(DATO' DR. HAJI AHAMAD BIN SIPON)**

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

**KATA ALU-ALUAN  
KETUA PENGARAH PERTAHANAN AWAM  
MALAYSIA.**

Saya mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan semua pihak di Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menyiapkan dan menerbitkan Buku Panduan Pengurusan dan Latihan Kadet Pertahanan Awam Malaysia ini. Kepada semua ahli panel penggubal buku ini saya mengucapkan jutaan terima kasih atas sumbangan tenaga dan buah fikiran yang telah dicurahkan bagi merealisasikan penerbitan buku ini.

Pengurusan dan latihan Pasukan Kadet Pertahanan Awam di semua peringkat sudah tentu akan berjalan dengan lancar jika semua prosedur yang ditetapkan di dalam buku ini dipatuhi sepenuhnya. Saya yakin dengan terbitnya buku ini, Pasukan Kadet Pertahanan Awam akan mengalami perkembangan yang lebih pesat dengan penyertaan lebih banyak sekolah bagi menubuhkan pasukan ini memandangkan manfaat dan kelebihan yang ada dalam aktiviti Kadet Pertahanan Awam ini.

Penubuhan Pasukan ini juga diharap akan dapat menyebarluas lagi pengetahuan dan kemahiran Pertahanan Awam kepada orang awam. Jika lebih ramai lagi pelajar yang menyertai **pasukan kadet** ini, maka akan lebih ramai warga pelajar dan anggota masyarakat yang mempunyai pengetahuan mengenai langkah-langkah awal menangani situasi bencana dan kecemasan.

Pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program-program kokurikulum. Pihak Jabatan akan memberi bantuan sewajarnya yang diperlukan bagi menjayakan matlamat Kementerian Pelajaran melalui kegiatan-kegiatan pasukan berpakaian seragam seperti Kadet Pertahanan Awam Malaysia (KAPA).

Selamat Maju Jaya !

**(PJ (PA) DATO' HAJI NASIR BIN MAT DAM)**  
Ketua Pengarah Pertahanan Awam  
Malaysia. KPPA

## PRAKATA

Antara faktor yang menjadi penghalang kepada kelicinan pasukan pakaian seragam di sekolah ialah kekurangan tenaga jurulatih untuk mengendalikan kegiatan. Perangkaan pada 1 Mac 1998 menunjukkan bahawa terdapat hanya 62% pelajar sekolah menengah yang menjadi anggota pasukan pakaian seragam. **Tenaga jurulatih yang ada pada hari ini tidak berupaya menerima lebih ramai lagi anggota untuk dilatih.** Walaupun latihan jurulatih dibuat secara berterusan, namun nisbah guru terlatih dalam bidang yang diperlukan dengan pertambahan pelajar sentiasa berada dalam keadaan tidak seimbang. Dijangkakan seramai **lima belas ribu orang jurulatih diperlukan jika semua pelajar sekolah menengah menyertai pasukan pakaian seragam.**

Justeru, pihak Kementerian Pelajaran dengan kerjasama **jabatan** yang berkenaan mengambil langkah untuk menyediakan buku-buku panduan supaya kegiatan pasukan pakaian seragam boleh dijalankan di peringkat sekolah walaupun guru-guru yang mengendalikannya belum dilatih. Untuk maksud ini Kementerian Pelajaran Malaysia telah mendapat persetujuan dan kerjasama daripada agensi penaja bagi menggubal dan menyemak buku-buku panduan yang sedia ada supaya buku-buku ini boleh digunapakai secara langsung.

Namun begitu buku panduan ini adalah untuk tujuan rujukan perkara-perkara asas sahaja. Seseorang guru yang dilantik sebagai Guru Penyelaras Kadet perlu mengikuti kursus secara khusus dalam bidang-bidang bersesuaian dengan lantikannya. Pemahaman berhubung dengan falsafah dan matlamat akan lebih jelas, pengurusan pasukan akan lebih kemas dan kegiatan yang dijalankan akan lebih menarik dan mantap. Dengan demikian Kementerian Pelajaran percaya hasrat untuk melibatkan semua pelajar dalam kegiatan pasukan pakaian seragam akan dapat dicapai dalam tempoh yang terdekat.

SEKIAN

TKPP JSKPM

## **SENARAI KANDUNGAN**

1. Bab 1 – Pendahuluan	MS 1
2. Bab 2 – Penubuhan Pasukan	MS 4
3. Bab 3 – Keanggotaan	MS 10
4. Bab 4 – Pentadbiran	MS 13
5. Bab 5 – Logistik	MS 16
6. Bab 6 – Kurikulum Latihan	MS 17
7. Bab 7 – Penilaian	MS 21
8. Bab 8 – Peraturan Pakaian Seragam	MS 25
9. Lampiran-Lampiran	MS 28-38

# **BAB 1 – PENDAHULUAN**

## **1.1 PUNCA KUASA**

Punca kuasa bagi penubuhan Kadet Pertahanan Awam (KAPA) ialah :

Surat Jabatan Pertahanan Awam Malaysia IPPA 40/038 – ( 27 ) bertarikh 6 Julai 1993 Surat Pekeliling Jabatan Bilangan 1 Tahun 1993 Penubuhan Kadet Pertahanan Awam Di Sekolah-Sekolah Menengah yang ditandatangani oleh K. Thuraisingam bagi pihak Ketua Pengarah Pertahanan Awam Malaysia.

Surat Kementerian Pendidikan KP ( BS / HEP ) 8586/069/ ( 1 ) bertarikh 22 April 1997 bertajuk Penubuhan Pasukan Kadet Pertahanan Awam yang ditandatangani oleh Datuk Mat Nor bin Daim, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Jabatan Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia .

## **1.2 MATLAMAT**

Matlamat penubuhan Pasukan Kadet Pertahanan Awam adalah untuk membentuk masyarakat khususnya para pelajar melalui pelbagai aktiviti kesukarelaan bertujuan memantapkan semangat patriotik, meningkatkan tahap disiplin dan membina semangat bekerjasama berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **1.3. OBJEKTIF**

- 1.3.1 Memberi kemahiran-kemahiran pertolongan cemas, melawan kebakaran dan menyelamatkan yang boleh digunakan oleh pelajar pada bila-bila masa.
- 1.3.2 Memberi perkhidmatan sukarela kepada sesiapa yang memerlukan baik di sekolah atau luar sekolah tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman.
- 1.3.3 Menanam semangat kerjasama, bertanggungjawab, berperikemanusiaan, taatsetia, cintakan sekolah dan negara.
- 1.3.4 Memupuk semangat hormat-menghormati, kekitaan, pengorbanan dan kejujuran antara satu sama lain.
- 1.3.5 Mencungkil dan memupuk semangat (nilai dan etika) kepimpinan di kalangan pelajar.


## **4. LOGO BAGI KADET PERTAHANAN AWAM**



*Bentuk asas logo adalah berdasarkan logo Pasukan Pertahanan Awam Malaysia*

- **LOGO** – Konsep logo adalah untuk menonjolkan tugas Pertahanan Awam.
- **SEGITIGA SAMA DAN WARNA OREN –** Adalah lambang dan warna keselamatan iaitu berwaspada dan bersedia menghadapi kemungkinan.
- **SENTIASA SIAP SEDIA –** Di sekeliling tiga segi adalah motto Pasukan Pertahanan Awam
- **BUNGA PADI BERWARNA HIJAU -** Melambangkan kesuburan dan kemakmuran negara.
- **TAPAK LOGO –** Berwarna oren adalah melambangkan keteguhan, kesediaan dan sokongan padu Organisasi Pertahanan Awam Malaysia.

#### 5. ( a ) LOGO BAHU



- OREN / JINGGA
- KUNING
- HIJAU

Logo bentuk tiga segi adalah teras kepada logo Pertahanan Awam. Tujuan logo ini diperkenalkan adalah untuk simbol bagi maksud Pertahanan Awam dan dipakai di lengan kiri uniform No. 4.



**( b ) Judul Bahu**

**Judul Bahu diperbuat daripada bahan logam berwarna emas**

KADET PERTAHANAN AWAM

**6. BENDERA KADET PERTAHANAN AWAM**



Rajah Bendera Kadet Pertahanan Awam

Saiz bendera : 3 ' X 6'  
Warna latar – biega (krim)

**7. LAGU PERTAHANAN AWAM**

**SENTIASA BERSEDIA**

Marilah Kita Semua  
Berganding Bahu Mengembeling Tenaga  
Berkerti Dalam Pertahanan Awam  
Untuk Bangsa Kita

Padukan Jiwa dan Raga  
Sedia Berkorban Apa Saja  
Memberi Dengan Ikhlas Khidmat Mulia  
Negara Tercinta

( chorus )

Malaysia Bumi Yang Bertuah  
Kami Sungguh Bangga Menjadi Warga Setia

Penuh Azam dan Tekad Bersama  
Berkhidmat Untuk Keselamatan Rakyatnya

Kita Sentiasa Bersedia  
Menjunjung Wawasan Semua  
Ke Arah Hidup Aman dan Sentosa  
MALAYSIA JAYA

## **BAB 2. PENUBUHAN PASUKAN**

### **2.1 PROSEDUR PENUBUHAN PASUKAN KADET PERTAHANAN AWAM**

Bagi menubuhkan sesebuah Pasukan Kadet Pertahanan Awam, prosedur berikut hendaklah dipatuhi :

- 2.1.1 Pengetua membuat permohonan bertulis dengan mengemukakan surat atau borang permohonan ( seperti dalam lampiran 1 ) kepada Pengarah Pertahanan Awam Negeri melalui Pengarah Pelajaran Negeri.
- 2.1.2 Permohonan yang mendapat sokongan Pengarah Pelajaran Negeri akan diproses oleh Jabatan Pertahanan Awam Negeri dengan membuat ulasan berdasarkan keperluan, kemampuan logistik, kewangan, peralatan dan jurulatih kepada Ibu Pejabat Pertahanan Awam untuk perakuan dan rekod.
- 2.1.3 Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara bertulis kepada sekolah berkenaan. Sesalinan keputusan permohonan akan juga dihantar kepada Jabatan Pelajaran Negeri. Surat Pengesahan Penubuhan Pasukan Kadet Pertahanan Awam sekolah berkenaan akan dikeluarkan ( seperti dalam Lampiran 2 ).
- 2.1.4 Apabila telah diluluskan satu nombor pendaftaran akan diberi kepada Pasukan Kadet Pertahanan Awam sekolah berkenaan seperti berikut :

X / KAPA / 29XX

- X : Kod negeri yang berkenaan misalnya B untuk Selangor.
- KAPA** : Kadet Pertahanan Awam
- 29 : No. Kod Fail Kementerian Pelajaran tentang kegiatan ko-kurikulum bagi Pasukan Beruniform
- XX : Nombor mengikut urutan misalnya 01, 02 dan seterusnya.

2.1.5 Bagi sekolah-sekolah yang tidak ditadbir di bawah Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan, misalnya sekolah persendirian atau sekolah agama yang ditadbir oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri, maka satu bentuk pengenalan diberikan iaitu :

X / KAPA ( A ) / 29XX – untuk sekolah agama  
X / KAPA ( P ) / 29XX – untuk sekolah persendirian.

## 2.2 ORGANISASI

Setiap platun Kadet Pertahanan Awam mestilah terdiri daripada 35 anggota iaitu :

1 x Pegawai Waran Kadet sebagai Ketua Platun,  
1 x Sarjan sebagai Sarjan Platun  
3 x Koperal sebagai Ketua Skwad,  
6 x Lans Koperal  
24 x Anggota Kadet.

Seorang Pegawai Penyelaras **Kadet** berpangkat Leftenan atau Leftenan Muda akan dilantik sebagai pegawai bagi sesebuah pasukan yang mempunyai kekuatan pasukan yang kurang daripada empat platun.

Setiap empat platun akan dijadikan satu kompeni dengan **kekuatan** :

1 x Kapten sebagai Ketua Kompeni,  
1 x Leftenan / Leftenan Muda sebagai Penolong Ketua Kompeni  
1 x Pegawai Kadet Kanan  
4 x Pegawai Waran Kadet sebagai Ketua Platun  
4 x Sarjan sebagai Sarjan Platun  
12 x Koperal sebagai Ketua Skwad  
24 x Lans Koperal  
96 anggota kadet.

Pengurusan Kadet Pertahanan Awam di peringkat negeri akan diketuai oleh:

1 x Pegawai Teknikal berpangkat Kapten

Pengurusan Kadet Pertahanan Awam di peringkat daerah / jajahan / bahagian akan diketuai oleh :

1 x Pegawai Teknikal berpangkat Kapten ( Pertahanan Awam ) /  
Leftenan ( Pertahanan Awam )

## **2.3 JAWATANKUASA KADET PERTAHANAN AWAM**

Jawatankuasa Penasihat Kadet Pertahanan Awam hendaklah ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan negeri bagi menggerakkan pentadbiran latihan dan kegiatan. Jawatankuasa itu hendaklah dianggotai oleh :

### **2.3.1 Peringkat Kebangsaan**

Pengerusi Bersama : Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Ketua Pengarah Pertahanan Awam Malaysia

Timbalan Pengerusi: Pengarah Kesenian, Sukan dan Kokurikulum  
Bersama : PengarahKanan Pengurusan Angkatan JPAM

Ahli : Penolong Pengarah Kesenian, Sukan dan Kokurikulum  
: Penolong Pengarah Pengurusan Angkatan  
: Pegawai Teknikal KAPA negeri-negeri  
: Pegawai Pengurusan Angkatan negeri

### **2.3.2 Peringkat Negeri**

Pengerusi Bersama : Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri  
Pengarah Pertahanan Awam Negeri

Timbalan Pengerusi: Ketua Unit Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri  
Bersama Pegawai Kanan Pertahanan Awam Negeri

Ahli-Ahli : Penyelia Kokurikulum Negeri  
Pegawai Pertahanan Awam BPA Negeri  
Penyelia Kokurikulum Daerah  
Pegawai Teknikal KAPA Negeri  
Pegawai Teknikal KAPA Daerah  
Pegawai Pertahanan Awam Daerah

## **2.4 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

### **2.4.1. JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

#### **2.4.1.1. Ibu Pejabat Pertahanan Awam Malaysia**

- i. Pendaftaran Pasukan, Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat dan anggota kadet (KAPA).

- ii. Merancang peruntukan belanjawan kadet.
- iii. Menyedia dan merancang perolehan peralatan & logistik kadet.
- iv. Melantik Pegawai Penyelia Kadet / Pegawai Tanggungjawab di Ibu Pejabat Pertahanan Awam Malaysia.
- v. Mengesahkan perantikan **Pegawai / Guru** Penyelaras Kadet.
- vi. Merancang dan melaksanakan program-program kadet di peringkat kebangsaan.
- vii. Merancang pelaksanaan kursus-kursus pusat bagi Pegawai Penyelaras dan anggota kadet.
- viii. Mengemaskini, mengesahkan dan menyebarkan dasar-dasar dan arahan tetap mengenai pengendalian, pengurusan dan latihan kadet.

#### 2.4.1.2. Jabatan Pertahanan Awam Negeri

- i. Melantik Pegawai Penyelia Kadet peringkat negeri bekerjasama dengan Pegawai Teknikal Kadet Pertahanan Awam merancang program/ aktiviti kadet peringkat negeri.
- ii. Menerima dan mengesahkan penubuhan pasukan kadet.
- iii. Menentukan kegiatan dan latihan kadet berjalan dengan teratur.
- iv. Mengadakan hubungan rapat dengan Jabatan Pelajaran Negeri berkaitan kegiatan Kadet Pertahanan Awam.
- v. Menyedia dan memberi bantuan logistik, latihan dan penilaian kenaikan pangkat.

#### 2.4.1.3. Pejabat Pertahanan Awam Daerah

- i. Membantu Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat dalam menyusun latihan dan mentadbir Kadet Pertahanan Awam (KAPA) di sekolah-sekolah.
- ii. Menyediakan bantuan jurulatih yang berkelayakan dan keperluan logistik yang teratur dan mencukupi dalam melaksanakan latihan Kadet Pertahanan Awam.
- iii. Bertindak sebagai penasihat bersama semasa perkhemahan tahunan.
- iv. Menghantar laporan kegiatan tahunan kepada Pengarah Pertahanan Awam Negeri setiap akhir tahun.
- v. Menganggotai panel penilaian kenaikan pangkat / ujian.

## **2.4.2. KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

### 2.4.2.1. Kementerian Pelajaran Malaysia

- i. Menetapkan dasar penubuhan dan perkembangan Pasukan Kadet Pertahanan Awam (KAPA) dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.
- ii. Melantik Sekretariat Kadet Pertahanan Awam Malaysia.
- iii. Bekerjasama dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia untuk merancang dan melaksanakan program kadet di peringkat Kebangsaan.

### 2.4.2.2. Jabatan Pelajaran Negeri

- i. Melantik Pegawai Teknikal Kadet Pertahanan Awam Negeri.
- ii. Menyelaras aktiviti-aktiviti Kadet Pertahanan Awam peringkat negeri.
- iii. Menyokong permohonan penubuhan pasukan kadet.
- iv. Bekerjasama dengan Jabatan Pertahanan Awam Negeri untuk merancang dan melaksanakan program kadet di peringkat negeri.

### 2.4.2.3. Pejabat Pelajaran Daerah

- i. Melantik Pegawai Teknikal Kadet Pertahanan Awam Daerah.
- ii. Merancang dan melaksanakan aktiviti Kadet Pertahanan Awam peringkat daerah.

7

### 2.4.2.4. Pengetua Sekolah

- i. Memohon dan memastikan penubuhan Pasukan Kadet Pertahanan Awam di sekolah adalah sah.
- ii. Menjadi Pegawai Kehormat kepada Pasukan Kadet Pertahanan Awam di peringkat sekolah.
- iii. Melantik Guru Penyelaras/Penasihat Kadet Pertahanan Awam dari kalangan guru-guru yang berminat, mempunyai ketokohan dan kewibawaan untuk memegang jawatan tersebut seterusnya dihantar mengikuti latihan / kursus untuk ditauliahkan sebagai Pegawai Penyelaras Kadet.

- iv. Bekerjasama dengan Pegawai Pertahanan Awam Daerah mengenai kenaikan pangkat Pegawai Penyelaras jika terdapat kekosongan.
- v. Mengesahkan sijil-sijil kenaikan pangkat anggota kadet

#### 2.4.2.5. Penolong Kanan Kokurikulum

- i. Berhubung dengan Pegawai Pertahanan Awam di Daerah berkaitan latihan dan aktiviti Kadet Pertahanan Awam.
- ii. Menentukan bahawa keanggotaan ahli kadet (KAPA) dipenuhi setiap masa.
- iii. Menyediakan keadaan dan suasana yang kondusif bagi Pasukan Kadet Pertahanan Awam menjalankan aktiviti.
- iv. Menggalak dan memberi peluang kepada anggota kadet mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum peringkat daerah / negeri / kebangsaan.
- v. Menjadi Pegawai Kehormat Kadet di peringkat sekolah.

#### 2.4.2.6. Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat

- i. Bertanggungjawab kepada Pengetua sekolah dan Pegawai Pertahanan Awam Daerah berkaitan dengan taraf, mutu, kecekapan dan pentadbiran Kadet Pertahanan Awam sekolah.
- ii. Menguruskan pendaftaran keanggotaan Kadet Pertahanan Awam sekolah.
- iii. Merancang dan menjalankan aktiviti Kadet Pertahanan Awam sekolah berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan.
- iv. Melaksanakan penilaian kenaikan pangkat kadet-kadet.
- v. Menyediakan laporan tahunan Pasukan Kadet Pertahanan Awam.

8

- vi. Menguruskan penyertaan ahli-ahli kadet dalam kegiatan di setiap peringkat.
- vii. Menghadiri perjumpaan / mesyuarat / kursus yang berkaitan dengan Pasukan Kadet Pertahanan Awam.
- viii. Menguruskan logistik pasukan dan membantu jurulatih.
- ix. Menganggotai panel tatatertib anggota kadet.
- x. Mengajar dan menjadi jurulatih pasukan kadet







## JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

### BORANG PERMOHONAN PENUBUHAN PASUKAN KADET PERTAHANAN AWAM

( Hendaklah diisi dalam tiga salinan )

#### BAHAGIAN A

( diisi oleh pihak sekolah yang memohon )

Pengarah  
Jabatan Pertahanan Awam Negeri .....

Melalui :

Pengarah  
Jabatan Pelajaran Negeri .....

Saya ( Nama ) .....

Pengetua SMK .....

Memohon untuk menubuhkan Pasukan Kadet Pertahanan Awam di sekolah saya.

Tarikh : ..... Tandatangan dan cop rasmi : .....  
( Pengetua )

#### BAHAGIAN B

( diisi oleh Jabatan Pelajaran Negeri )

Saya \* **menyokong / tidak menyokong** penubuhan Pasukan Kadet Pertahanan Awam di SMK .....

Tarikh : .....

Tandatangan dan cop rasmi : .....  
( Pengarah Pelajaran Negeri )

\* Potong yang tidak berkenaan  
10

Lampiran 2



## JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

### KEPUTUSAN PERMOHONAN PENUBUHAN PASUKAN KADET PERTAHANAN AWAM

#### BAHAGIAN A

Pengetua  
SMK .....

Melalui,

Pengarah  
Jabatan Pelajaran Negeri .....

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menubuhkan Pasukan Kadet Pertahanan Awam di sekolah tuan ;

\* DILULUSKAN ( )  
TIDAK DILULUSKAN ( )

#### BAHAGIAN B

( diisi bagi permohonan yang diluluskan )

Nombor Pendaftaran Pasukan : .....

Jumlah Anggota Platun Dibenarkan : Lelaki ..... Perempuan .....

#### BAHAGIAN C

( diisi bagi permohonan yang tidak diluluskan )

Sebab Tidak Diluluskan .....


Tarikh : .....

Tandatangan dan cop rasmi : .....  
( Pengarah Pertahanan Awam Negeri )

\* Tandakan ( / ) di petak berkenaan

11

**CARTA ALIRAN PROSES PENUBUHAN  
KADET PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**



## BAB 3 – KEANGGOTAAN DAN PANGKAT

### 3.1 KEANGGOTAAN KADET

#### 3.1.1. Syarat-syarat menjadi anggota Kadet Pertahanan Awam

Pendaftaran untuk menyertai Kadet Pertahanan Awam adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- i. Pelajar-pelajar sekolah menengah berusia antara 13 hingga 20 tahun.
- ii. Sihat tubuh badan ( pengesahan pegawai perubatan jika diperlukan ).
- iii. Tidak menyertai mana-mana pasukan pakaian seragam yang lain.
- iv. Mendapat kebenaran ibu bapa dan disokong oleh pihak sekolah.
- v. Warganegara Malaysia.
- vi. Mengajukan permohonan dengan mengisi borang permohonan.  
( seperti dalam Lampiran 3 )

#### 3.1.2 Kenaikan Peringkat Latihan dan Pangkat adalah melalui ujian penilaian.

#### 3.1.3 Peraturan kenaikan dan penurunan pangkat kadet :

- i. Seseorang anggota kadet boleh dinaikkan pangkat mengikut perjawatan pasukan seperti yang ditetapkan apabila :
  - Telah mengikuti kursus pusat yang ditetapkan
  - Lulus ujian yang disyaratkan.
  - Diperakui oleh Panel Penilai Kenaikan Pangkat melalui satu kursus atau temuduga khas.
- ii. Seorang anggota kadet boleh diturunkan pangkat apabila :
  - Tidak mencapai darjah kecekapan yang dikehendaki.
  - Diperakui oleh Panel Kenaikan Pangkat / Tatatertib Kadet melalui satu mesyuarat atau perbincangan khas.
- iii. Tanda-tanda pangkat Kadet adalah seperti di *Lampiran 4*.

3.1.4 Keanggotaan Kadet Pertahanan Awam boleh ditamatkan / diberhentikan atas sebab-sebab berikut :

- i. Tamat persekolahan.
- ii. Dibuang sekolah.

13

3.1.5 Anggota kadet yang berpindah sekolah boleh meneruskan keanggotaan kadet dengan pilihan berikut :-

- i. Penempatan di sekolah berhampiran yang mempunyai Kadet Pertahanan Awam ; atau jika tiada
- ii. Melapor diri kepada Pegawai Teknikal Kadet Pertahanan Awam Daerah.

## **3.2 KEANGGOTAAN PEGAWAI PENYELARAS KADET**

3.2.1. Syarat-syarat menjadi **Pegawai Penyelaras Kadet** adalah :

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Telah mendaftar sebagai anggota Pasukan Pertahanan Awam Malaysia
- iii. Berumur tidak kurang 21 tahun.
- iv. Sihat tubuh badan (pengesahan pegawai perubatan jika perlu ).
- v. Tidak menyertai mana-mana pasukan beruniform lain.
- vi. Menghadiri kursus pusat yang ditetapkan atau yang setaraf dengannya.
- vii. Bagi keadaan dimana tidak terdapat guru yang memenuhi syarat-syarat di atas, seorang atau lebih guru penasihat hendaklah dilantik untuk mentadbir pasukan kadet di sekolah berkenaan.

3.2.2. Peraturan Kenaikan Pangkat Pegawai Penyelaras Kadet

- i. Semua Pegawai Penyelaras Kadet Pertahanan Awam layak menyandang pangkat Leftenan Muda ( PA ).
- ii. Leftenan Muda ( PA ) ke Leftenan ( PA )
  - a. Telah menjawat pangkat Leftenan Muda ( PA ) selama 3 tahun.
  - b. Terdapat kekosongan pangkat di sekolah berkenaan.
  - c. Mempunyai rekod perkhidmatan bersih.
  - d. Kelulusan dan sokongan Pengarah Pertahanan Awam Negeri.

- iii. Leftenan ( PA ) ke Kapten ( PA )
  - a. Telah menjawat pangkat Leftenan ( PA ) selama 7 tahun
  - b. Terdapat kekosongan pangkat di sekolah berkenaan.
  - c. Mempunyai rekod perkhidmatan bersih.
  - d. Kelulusan dan sokongan Pengarah Pertahanan Awam Negeri.

14

### 3.2.3. Tamat Perkhidmatan

- i. Pegawai Penyelaras Kadet Pertahanan Awam boleh diberhentikan atau ditamatkan perkhidmatan atas sebab-sebab berikut :
  - a. Melakukan mana-mana kesalahan seperti di Perkara 27 Kaedah-Kaedah Pertahanan Awam (Pasukan Pertahanan Awam) 1970
  - b. Berpindah sekolah.
    - a. Masalah kesihatan.
    - b. Tidak dilantik lagi oleh Pengetua.
- ii. Pengetua hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Pertahanan Awam Negeri berkaitan penamatan perkhidmatan Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat.

Nota : Seseorang Pegawai Penyelaras Kadet akan kekal sebagai anggota Pasukan tempat di mana dia mendaftar walaupun tidak lagi dilantik oleh pengetua sekolah berkenaan sebagai Pegawai Penyelaras Kadet di sekolahnya.






















## 3.3. PANGKAT-PANGKAT KEHORMAT

- 3.3.1. Pengetua sekolah yang berkenaan akan menyandang pangkat Mejar Kehormat ( PA ) atas jawatannya.
- 3.3.2. Penolong Kanan Kokurikulum akan dilantik menyandang pangkat Kapten Kehormat ( PA ) atas jawatannya.
- 3.3.3. Pelepasan pangkat berlaku apabila seseorang pengetua atau Penolong Kanan Kokurikulum bertukar sekolah yang tidak mempunyai pasukan Kadet Pertahanan Awam.
- 3.3.4. Oleh kerana semua Pengetua dan Penolong Kanan Kokurikulum adalah pegawai kanan Pasukan Kadet Remaja di sekolah masing-masing, maka mereka yang membuat permohonan rasmi kepada Pengarah Pertahanan Awam Negeri sahaja akan ditauliahkan







sebagai pegawai kehormat yang berkenaan. Mereka dikehendaki mengikuti satu kursus khas sebelum ditauliahkan.

3.3.5. Tanda-tanda pangkat Pegawai Penyelaras dan Kehormat adalah seperti dalam *Lampiran 4*.

## PANGKAT DAN AKSESORI PEGAWAI

BIL	GELARAN	PANGKAT	GORGET	PEAK CAP
1.	<b>Pesuruhjaya (Pj)</b> Ketua Pengarah			
2.	<b>Timbalan Pesuruhjaya (TPj)</b> Timbalan Ketua Pengarah			
3.	<b>Penolong Pesuruhjaya (PPj)</b> Pengarah Pengurusan Angkatan			
4.	<b>Kolonel (PA)</b>			
5.	<b>Leftenan Kolonel (PA)</b>			
6.	<b>Mejar (PA)</b>			
7.	<b>Kapten (PA)</b>			



8.	Leftenan (PA)			
9.	Leftenan Muda (PA)			



## **BAB 4 – PENTADBIRAN**

### **4.1 BAYARAN ELAUN**

- 4.1.1 Anggota kadet tidak layak menerima sebarang elaun.
- 4.1.2 Pegawai Penyelaras adalah layak menerima elaun mengikut pangkat yang disandang sepertimana kadar yang ditetapkan dan diterima pakai oleh mana-mana pekeliling Kerajaan.
- 4.1.3. Guru Penasihat TIDAK LAYAK menuntut sebarang elaun.

### **4.2 GANTIRUGI BERHUBUNG DENGAN KECEDERAAN**

- 4.2.1 Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat digalakkan mengambil insurans secara individu atau kelompok apabila menyertai aktiviti di luar kawasan sekolah.
- 4.2.2 Anggota kadet dikehendaki mengisi borang kebenaran ibu bapa / penjaga apabila menyertai aktiviti di luar kawasan sekolah.
- 4.2.3. Pegawai Penyelaras tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Pertahanan Awam ( Bencana Diri) 1970 semasa menjalankan tugas rasmi.
- 4.2.4. Guru Penasihat dan anggota kadet tidak layak menuntut pampasan.

### **4.3. MESYUARAT**

- 4.3.1. Mesyuarat Penyelarasan Kadet yang berikut hendaklah diadakan :
  - i. Mesyuarat penyelarasan pentadbiran antara Pasukan Pertahanan Awam dengan Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah sekurang-kurangnya sekali setahun.
  - ii. Mesyuarat pengurusan pasukan antara Jabatan Pertahanan Awam Negeri dengan semua sekolah yang terlibat sekurang-kurangnya dua kali setahun.
  - iii. Mesyuarat antara Pegawai Teknikal peringkat kebangsaan sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 4.3.2. Mesyuarat-mesyuarat lain boleh diadakan pada bila-bila masa.

#### **4.4. ISTIADAT**

- 4.4.1 Anggota Kadet Pertahanan Awam dibenar menyertai dalam majlis, istiadat atau perayaan di peringkat kebangsaan atau negeri atau daerah yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran atau kementerian yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Pertahanan Awam Malaysia ataupun oleh agensi-agensi yang lain.
- 4.4.2 Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pengetua / Pejabat Pelajaran Daerah / Jabatan Pelajaran Negeri.
- 4.4.3 Makluman kepada Pegawai Pertahanan Awam Daerah hendaklah juga dibuat berkaitan penyertaan anggota kadet dalam aktiviti-aktiviti luar kawasan sekolah.

#### **4.5. TUGASAN**

- 4.5.1 Anggota kadet boleh diarahkan bertugas sebagai anggota bantuan kecemasan, kawalan keselamatan atau apa-apa tugas yang berkaitan dengannya di dalam kawasan sekolah.
- 4.5.2 Semua tugas yang dilaksanakan adalah dianggap sebagai aktiviti kokurikulum sekolah dan bukan tugas yang wajib dilaksanakan.
- 4.5.3 Semasa menjalankan tugas, anggota kadet hendaklah sentiasa diselia oleh Pegawai Penyelaras atau Guru Penasihat ataupun jurulatih pasukan.
- 4.5.4 Anggota kadet hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga sebelum menjalankan tugas di luar kawasan sekolah.

#### **4.6. LAPORAN**

- 4.6.1 Pada setiap awal tahun, Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat dikehendaki menghantar kepada Pengarah Pertahanan Awam Negeri perkara-perkara berikut dengan pengesahan Pengetua / Penolong Kanan Kokurikulum :
  - Senarai nama anggota dan Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat
  - Takwim dan jadual latihan.

4.6.2 Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat dengan kerjasama Pegawai Pertahanan Awam Daerah hendaklah menghantar laporan setiap 2 bulan sekali selain laporan tahunan kepada Pengarah Pertahanan Awam Negeri dan Pengarah Pelajaran Negeri berhubung dengan perkara-perkara berikut :

- Kekuatan keanggotaan kadet
- Perjawatan
- Latihan / kursus / aktiviti / penilaian
- Pencapaian
- Logistik
- Lawatan orang kenamaan jika ada.

## **BAB 5 – LOGISTIK**

### **5.1 Pakaian**

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia akan berusaha membekalkan pakaian seragam No. 4 sebagai inventori kepada sekolah yang mempunyai Pasukan Kadet Pertahanan Awam berdasarkan bilangan anggota kadet yang ada dan diuruselia pengagihan pinjaman oleh Guru Penyelaras Kadet.

Anggota Kadet Pertahanan Awam digalakkan menempah pakaian seragam No. 3 sebagai pakaian seragam peribadi yang diuruskan perolehannya oleh Ibu Pejabat Pertahanan Awam Malaysia melalui Pengarah Pertahanan Awam Negeri.

### **5.2 Pengangkutan**

Pihak pengurusan Kadet Pertahanan Awam boleh memohon bantuan pengangkutan daripada Pejabat Pertahanan Awam Negeri/Daerah sekiranya pihak sekolah tidak mempunyai pengangkutan atau tidak memperolehi bantuan pengangkutan daripada sekolah yang lain.

### **5.3 Peralatan Latihan**

Pihak pengurusan Kadet Pertahanan Awam juga boleh memohon bantuan peralatan latihan daripada Pejabat Pertahanan Awam Negeri / Daerah.

### **5.4 Peralatan Perkhemahan**

Pihak pengurusan Kadet Pertahanan Awam perlu menyediakan peralatan perkhemahan sendiri. Walau bagaimanapun bantuan boleh dipohon dari Pejabat Pertahanan Awam Negeri/Daerah atau Jabatan Pelajaran Negeri/Daerah

## **BAB 6 – KURIKULUM LATIHAN**

### **6.1 OBJEKTIF LATIHAN**

- 6.1.1 Memberi peluang kepada pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk membantu diri sendiri dan orang lain.
- 6.1.2 Memupuk nilai/sikap hormat-menghormati, menurut perintah, berkasih sayang, bekerjasama, bertanggungjawab, berhemah, kejujuran dan keyakinan diri.
- 6.1.3 Menanam semangat kesedaran sivik, ketaatan dan cintakan negara serta penjagaan alam sekitar.
- 6.1.4 Mempertingkatkan ketahanan fizikal, mental dan daya kerohanian yang seimbang.

### **6.2 BIDANG LATIHAN**

- 6.2.1 Pengenalan Pertahanan Awam
- 6.2.2 Kemahiran Asas Pertolongan Cemas
- 6.2.3 Kemahiran Asas Melawan Kebakaran
- 6.2.4 Kemahiran Asas Menyelamat
- 6.2.5 Pembinaan Sahsiah / Khidmat Masyarakat
- 6.2.6 Ketahanan Diri / Ikhtiar Hidup
- 6.2.7 Pendidikan Alam Sekitar
- 6.2.8 Pengetahuan Tentang Bencana Alam dan Peperangan
- 6.2.9 Kawad Kaki

### **6.3. KAEDAH LATIHAN**

- 6.3.1 Kuliah : Boleh dijalankan oleh Pegawai Penyelaras Kadet atau / dan jurulatih bertauliah.
- 6.3.2 Praktikal : Dijalankan oleh jurulatih bertauliah dan dibantu oleh Pegawai Penyelaras Kadet.
- 6.3.3 Lawatan : Dijalankan sendiri oleh Pegawai Penyelaras.
- 6.3.4 Perkhemahan: Dijalankan oleh Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat dengan bantuan jurulatih bertauliah.
- 6.3.5 Kerja Lapangan: Dijalankan oleh Pegawai Penyelaras atau Guru Penasihat
- 6.3.6 Kerja Kumpulan: Dijalankan oleh Pegawai Penyelaras atau Guru Penasihat.

## 6.4 SUKATAN LATIHAN

### 6.4.1 PERINGKAT ASAS

<b>PERKARA</b>	<b>ASAS TAHAP I</b>	<b>ASAS TAHAP II</b>	<b>ASAS TAHAP III</b>
Pengenalan Pertahanan Awam (Masa dicadang – 4 jam)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengertian/Maksud Pertahanan Awam dan penubuhannya di Malaysia</li> <li>2. Pakaian-Pakaian Seragam Pertahanan Awam</li> <li>3. Visi, Misi, Objektif, Motto, Fungsi dan Lagu Korporat Pertahanan Awam</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penubuhan Pasukan Pertahanan Awam di Malaysia</li> <li>2. Sejarah Pertahanan Awam Malaysia</li> <li>3. Organisasi Pertahanan Awam di Malaysia</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Organisasi Pertahanan Awam</li> <li>2. Tugas dan Peranan Pertahanan Awam Malaysia</li> <li>3. Perkhidmatan Teras Pertahanan Awam</li> </ol>
Pertolongan Cemas (Masa dicadang – 8 jam)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Prinsip Asas Pertolongan Cemas</li> <li>2. Peti Pertolongan Cemas</li> <li>3. Luka dan Balutan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Renjatan</li> <li>2. Tidak Sedarkan Diri</li> <li>3. Keracunan</li> <li>4. Tercekik</li> <li>5. Terbakar dan Melecur</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Patah dan Rawatan</li> </ol>
Melawan Kebakaran (Masa dicadang – 6 jam)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Punca-punca Kebakaran</li> <li>2. Segitiga Kebakaran</li> <li>3. Kelas-kelas Api</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Alat-alat Memadam Kebakaran</li> <li>2. Kemerebakan Kebakaran</li> <li>3. Cara-cara Memadam Kebakaran</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melepaskan Diri Dari Kebakaran</li> <li>2. Menyelamat Semasa Kebakaran</li> </ol>
Menyelamat (Masa dicadang – 6 jam)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tali dan Penjagaan</li> <li>2. Ikatan &amp; Kegunaan:- <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Simpul Mati</li> <li>b. Buku Sila</li> <li>c. Simpul Manok</li> <li>d. Setengah Belit</li> </ol> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ikatan &amp; Kegunaan :- <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Simpulan Balak</li> <li>b. Bunga Geti</li> <li>c. Tindih Kasih</li> <li>d. Ikatan Seraya</li> <li>e. Ikatan Angka 8</li> </ol> </li> </ol>	Cara-cara Menyelamat Kecemasan :- <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Seorang Penyelamat</li> <li>2. Dua atau Lebih Penyelamat</li> </ol>
Kawad Kaki (Masa dicadang – 24 jam)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kawad Statik</li> <li>2. Kawad Dinamik</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kawad Asas</li> <li>2. Kawad Formasi</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kawalan Kehormatan</li> </ol>



Ketahanan Diri dan Ikhtiar Hidup (Masa dicadang – 16 jam)	1. Perkhemahan 2H 1M 2. Jalan Lasak 3 km 3. Memasak Makanan	1. Perkhemahan 2H 1M 2. Jalan Lasak 4 km 3. Memasak Darurat	1. Perkhemahan 2H 1M 2. Jalan Lasak 5 km 3. Membuat & Memasang Jerat Binatang
Pembinaan Sahsiah - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	1. Ceramah Agama & Moral 2. Seni & Kebudayaan 3. Sukan 4. Solat Berjemaah	1. Ceramah Agama & Moral 2. Seni & Kebudayaan 3. Sukan 4. Solat Musafir	1. Ceramah Agama & Moral 2. Seni & Kebudayaan 3. Sukan 4. Solat-solat Sunat
Pendidikan Alam Sekitar - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	1. Hutan - Kepentingannya - Permasalahan/ Isu - Pemuliharaan 2. Pencerapan Tumbuh-Tumbuhan	1. Air - Kepentingannya - Permasalahan/ Isu - Pemuliharaan 2. Pencerapan Hidupan Air	1. Atmosfera - Kepentingannya - Permasalahan/ Isu - Pemuliharaan 2. Pencerapan Burung
Khidmat Masyarakat - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	1. Gotong Royong 2. Khidmat Sukarela	1. Gotong Royong 2. Khidmat Sukarela	1. Gotong Royong 2. Khidmat Sukarela

#### 6.4.2 PERINGKAT LANJUTAN

PERKARA	LANJUTAN TAHAP I	LANJUTAN TAHAP II
Pertolongan Cemas (Masa dicadang – 6 jam)	1. CPR (Asas)	1. CPR (Lanjutan)
Melawan Kebakaran (Masa dicadang – 8 jam)	1. Kawad Pili Bomba (Asas)	1. Kawad Pili Bomba (Lanjutan)

Menyelamat (Masa dicadang – 12 jam)	1. Menyelimut dan Mengikat Mangsa 2. Mengalih Mangsa 3. Kawad Usungan	1. Alihganti Menyelamat 2. Crossing
Kawad Kaki (Masa dicadang – 18 jam)	1. Kawad Persendirian 2. Mengawadkan Skwad	1. Kawad Persendirian 2. Mengawadkan Skwad
Bencana dan Peperangan (Masa dicadang – 4 jam)	1. Tanah Runtuh 2. Banjir 3. Gempabumi 4. Tsunami 5. Pusat Pemindahan	1. Peperangan Konvensional 2. Peperangan Kimia 3. Peperangan Biologi 4. Peperangan Nuklear 5. Pusat Pemindahan
Komunikasi - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	1. Peralatan Komunikasi	1. Prosedur dan Kaedah Komunikasi
Ketahanan Diri dan Ikhtiar Hidup - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	1. Perkhemahan 3H 2M 2. Orienteering	1. Perkhemahan 3H 2M 2. Membaca Peta & Kompas
Pembinaan Sahsiah - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	1. Kepimpinan Dalam Organisasi 2. Ceramah Agama/Moral 3. Seni & Kebudayaan 4. Sukan	1. Pengucapan Awam 2. Ceramah Agama/Moral 3. Seni & Kebudayaan 4. Sukan
Pendidikan Alam Sekitar - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	Pencemaran Alam Sekitar 1. Sebab-sebab Berlaku 2. Langkah-Langkah Mengatasi	Isu-isu Alam Sekitar 1. Kemusnahan Ekosistem Dunia 2. Penipisan Lapisan Ozon
Khidmat Masyarakat - <i>Slot dalam perkhemahan</i>	1. Gotong Royong 2. Khidmat Sukarela	1. Gotong Royong 2. Khidmat Sukarela

## BAB 7 – PENILAIAN

### 7.1 TUJUAN

- 7.1.1 Menilai prestasi anggota kadet dalam pengetahuan asas dan kemahiran Pertahanan Awam.
- 7.1.2 Memberi motivasi kepada pelajar supaya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pertahanan Awam.
- 7.1.3 Mengesahkan kelayakan seseorang kadet untuk dinaikkan ke tahap dan pangkat yang lebih tinggi.

### 7.2 PROSEDUR PENILAIAN

- 7.2.1 Penilaian akan dibuat setelah silibas latihan dihabiskan.
- 7.2.2 Silibas latihan hendaklah ditamatkan selewat-lewatnya pada bulan September tahun berkenaan.
- 7.2.3 Penilaian pula mestilah dibuat selewat-lewatnya pada bulan Oktober tahun berkenaan.
- 7.2.4 Item penilaian pada semua peringkat hendaklah disediakan di peringkat pusat oleh satu Lembaga Penilaian Kadet Pertahanan Awam Malaysia yang ahlinya terdiri daripada semua Pegawai Teknikal Kadet Pertahanan Awam Negeri.
- 7.2.5 Hanya anggota kadet yang berdaftar layak untuk menduduki penilaian ini.
- 7.2.6 Mereka mestilah menghadiri sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah masa latihan yang diadakan.
- 7.2.7 Pemberatan penilaian bagi semua peringkat adalah seperti berikut:-
  - 7.2.7.1 Ujian Bertulis : 60%
  - 7.2.7.2 Kawad Kaki : 20%
  - 7.2.7.3 Perkhemahan : 10%
  - 7.2.7.3 Kehadiran : 10%
- 7.2.8 Gred Pemarkahan adalah seperti berikut :-
  - 0 hingga 49 : Gagal
  - 50 hingga 69 : Lulus Biasa
  - 70 hingga 79 : Lulus Kepujian
  - 80 hingga 100 : Lulus Cemerlang
- 7.2.9 Anggota yang GAGAL tetap akan meneruskan latihan ke peringkat seterusnya. Mereka hendaklah diberi sijil Tamat Latihan. Manakala yang LULUS hendaklah diberi Sijil Pencapaian. (Lihat Lampiran 5 dan 6)

### 7.3 UJIAN KENAIKAN PANGKAT

Semua anggota kadet yang berkelayakan hendaklah diberi peluang untuk kenaikan pangkat. Walaubagaimanapun pemakaian tanda pangkat adalah mengikut syarat-syarat seperti dalam perkara 2.2. Oleh itu hanya mereka yang benar-benar layak akan dipilih untuk memakai tanda-tanda pangkat (seperti dalam Lampiran 3) yang telah dinyatakan.

Anggota yang lulus ujian tetapi tidak boleh memakai tanda pangkat hendaklah diberi Sijil Kenaikan Pangkat dengan menyatakan pangkat yang ia telah lulus (*ini sangat berguna kepada mereka bagi markah penilaian kokurikulum*)

### 7.4 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT

#### 7.4.1 Prebet ke Lans Koperal

- Lulus penilaian tahun semasa dengan mencapai markah sekurang-kurangnya 70%.
- Menghadiri kursus pusat yang ditetapkan,.
- Lulus Temuduga Kenaikan Pangkat Lans Koperal
- Lulus Ujian Fizikal yang disyaratkan
- Boleh melakukan dan memberi hukuman 5 pergerakan kawad asas.

Peringkat Kendalian Ujian : Sekolah  
 Panel Penilai/Temuduga : PPAD  
 Pegawai Penyelaras  
 Jurulatih Pasukan

#### 7.4.2 Lans Koperal ke Koperal

- Lulus penilaian tahun semasa dengan mencapai markah sekurang-kurangnya 70%.
- Menghadiri kursus pusat yang ditetapkan.
- Telah menjawat / lulus pangkat Lans Koperal sekurang-kurangnya satu tahun.
- Lulus Temuduga Kenaikan Pangkat Koperal
- Lulus Ujian Fizikal yang disyaratkan
- Boleh melakukan dan memberi hukuman 10 pergerakan kawad asas.

Peringkat Kendalian Ujian : Sekolah  
 Panel Penilai/Temuduga : PPAD  
 Pegawai Penyelaras  
 Jurulatih Pasukan

#### 7.4.3 Koperal ke Sarjan

- Lulus penilaian tahun semasa dengan mencapai markah sekurang-kurangnya 70%.
- Telah menjawat / lulus pangkat Koperal sekurang-kurangnya satu tahun.
- Menghadiri kursus pusat yang ditetapkan
- Lulus Ujian Fizikal yang disyaratkan
- Mengawadkan skuad dengan 10 pergerakan kawad asas.

Peringkat Kendalian Ujian : Negeri / Daerah  
 Panel Penilai/Temuduga : PPAN / PPAD  
 Pegawai Teknikal  
 3-5 Pegawai Penyelaras  
 Jurulatih Pasukan

#### 7.4.4 Sarjan ke Pegawai Waran Kadet

- Lulus penilaian tahun semasa dengan mencapai markah sekurang-kurangnya 70%.
- Telah menjawat / lulus pangkat Sarjan sekurang-kurangnya satu tahun.
- Menghadiri kursus pusat yang ditetapkan
- Lulus Ujian Fizikal yang disyaratkan
- Mengawadkan skuad dengan sekurang-kurangnya 20 pergerakan kawad.

Peringkat Kendalian Ujian : Kebangsaan / Pusat  
 Panel Penilai/Temuduga : Pengarah Negeri Penganjur  
 Pegawai Teknikal  
 (dari semua negeri)  
 Jurulatih Pasukan

#### 7.4.5 Pegawai Waran Kadet ke Pegawai Kadet Kanan

- Lulus penilaian tahun semasa dengan mencapai markah sekurang-kurangnya 70%.
- Telah menjawat / lulus pangkat Pegawai Waran 2 sekurang-kurangnya satu tahun.
- Menghadiri kursus pusat yang ditetapkan
- Lulus Ujian Fizikal yang disyaratkan
- Mengawadkan skuad dengan sekurang-kurangnya 20 pergerakan kawad.

Peringkat Kendalian Ujian : Kebangsaan / Pusat  
 Panel Penilai/Temuduga : Pengarah Negeri Penganjur  
 Pegawai Teknikal  
 (dari semua negeri)  
 Jurulatih Pasukan

### 7.5. TUGAS AHLI PANEL

- 7.5.1. Menentukan bentuk dan item penilaian.
- 7.5.2. Menentukan tarikh dan tempat penilaian.
- 7.5.3. Melantik personal bagi mengendalikan penilaian.
- 7.5.3. Menentukan kaedah penilaian dan temuduga.
- 7.5.4. Mengeluarkan keputusan penilaian.

















### 7.6. SIJIL-SIJIL KADET

- 7.6.1. Sijil Tamat Latihan (setiap peringkat latihan)
  - dikeluarkan oleh Jabatan Pertahanan Awam.
- 7.6.2. Sijil Pencapaian (setiap peringkat latihan)
  - dikeluarkan oleh Jabatan Pertahanan Awam
- 7.6.3. Sijil Kenaikan Pangkat (setiap kali kenaikan pangkat)
  - dikeluarkan oleh Jabatan Pertahanan Awam.
- 7.6.4. Sijil Keanggotaan Kadet ( setelah menamatkan sekurang-kurangnya 3 peringkat latihan Asas)
  - dikeluarkan oleh Jabatan Pertahanan Awam


\* Contoh sijil seperti di Lampiran 5 hingga 8



**TANDA-TANDA PANGKAT  
KADET PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

TAHAP	PREBET (PBT)	LANS KOPERAL (L/KPL)	KOPERAL (KPL)	SARJAN (SJM)	PEGAWAI WARAN KADET (PWK)	PEGAWAI KADET KANAN (PKK)
ASAS TAHAP I						
ASAS TAHAP II						
ASAS TAHAP III						
LANJUTAN TAHAP I						
LANJUTAN TAHAP II						





**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
DAN  
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

**Sijil Tamat Latihan**

**Adalah Diperakui Bahawa**

.....  
**Dari Sekolah**  
.....

**Telah Menamatkan Latihan  
Kadet Pertahanan Awam Malaysia  
Peringkat \* ASAS / LANJUTAN  
Tahap \* I / II / III**

**Dengan Jayanya Bagi Tahun .....**  
.....

**Pengarah Pelajaran  
Negeri**

**Pengarah Pertahanan Awam  
Negeri**

**No. Siri : STL/KAPA/  
Tarikh :**

31  
Lampiran 6



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
DAN  
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

**Sijil Pencapaian**

**Adalah Diperakui Bahawa**

.....  
**Dari Sekolah**  
.....

**Telah Lulus Penilaian  
Kadet Pertahanan Awam Malaysia  
Peringkat \* ASAS / LANJUTAN  
Tahap \* I / II / III**

**Dengan Pencapaian :**

**\* LULUS BIASA / KEPUJIAN / CEMERLANG**

.....  
**Pengarah Pelajaran  
Negeri**

.....  
**Pengarah Pertahanan Awam  
Negeri**

**No. Siri : SP/KAPA/  
Tarikh :**

32  
Lampiran 7



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
DAN  
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

**Sijil Kenaikan Pangkat**

**Adalah Diperakui Bahawa**

.....  
**Dari Sekolah**  
.....

Telah Memenuhi Semua Syarat  
Bagi Ditauliahkan Pangkat

*\* Lans Koperal / Koperal / Sarjan /  
Pegawai Waran Kadet / Pegawai Kadet Kanan*

Mulai Tarikh .....

.....  
Pegarah Pelajaran  
Negeri

.....  
Pegarah Pertahanan Awam  
Negeri

No. Siri : SP/KAPA/  
Tarikh :

33  
Lampiran 8



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
DAN  
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

**Sijil Keahlian**

Adalah Diperakui Bahawa

.....

**Dari Sekolah**

.....

**Telah Menganggotai  
Pasukan Kadet Pertahanan Awam Malaysia**

**Dari Tahun ..... hingga Tahun .....**

.....

**Pengarah Pelajaran  
Negeri**

.....

**Pengarah Pertahanan Awam  
Negeri**

**No. Siri : SK/KAPA/  
Tarikh :**

## BAB 8 – PERATURAN PAKAIAN SERAGAM

### 8.1 PERATURAN PAKAIAN SERAGAM KADET

- 8.1.1 Pakaian seragam hendaklah dibiayai oleh anggota kadet sendiri / sekolah.
- 8.1.2 Jenis pakaian untuk Kadet Pertahanan Awam adalah:
  - i. Pakaian No. 3 atau No. 4.
  - ii. T' Shirt Oren dan Seluar Uniform No. 3 atau 4 (separuh uniform)
  - iii. T' Shirt Oren / Putih dan seluar sukan hitam / biru tua.
- 8.1.3 Aksesori berikut boleh dipakai oleh anggota Kadet Pertahanan Awam :
  - i. Jambul
  - ii. Mafla
  - iii. Anklet
  - iv. Selempang putih
  - v. Selempang oren untuk ketua platon.
- 8.1.4 Bagi tujuan pertandingan kawad, pasukan-pasukan **digalakkan** memakai pakaian No. 4.

### 8.2 SPESIFIKASI UNIFORM

#### 8.2.1 Pakaian No. 3

##### *a. Baju ( kemeja ) – Kelabu Cerah Pertahanan Awam*

Depan tidak bertulang dengan enam lubang butang untuk butang hijau gelap saiz biasa. Kolar jenis “ half spread collar “. Dua poket dada bersudut dengan kelepak serong dengan lubang butang untuk butang hijau saiz biasa. Lengan pendek tanpa “ double pleat “ bagi lelaki dan lengan panjang bagi wanita. Bagi lelaki, kemeja dimasukkan ke dalam.

##### *b. Seluar – Kelabu Gelap Pertahanan Awam*

Belah sembunyi kancing dengan pinggang lipattindih 3.5 cm lebar di sekeliling. Enam gelung standard sepanjang 4 cm untuk ruang tali pinggang. Poket tepi berbentuk serong dan dua “ concealed “ poket belakang dengan kelepak serong bertutup dengan butang hijau yang dikancing dari dalam. Tiada lipatan keluar. Ukuran lilitan kaki seluar tidak kurang daripada 38 cm.

**c. Tali Pinggang**

Tali pinggang hitam 3 cm lebar dengan lambang Pertahanan Awam di kepala tali pinggang yang disadur dengan warna emas. Kedudukan kepala tali pinggang selari dengan butang baju dan pelipat zip seluar.

**d. Pakaian Seragam Kepala**

- i. Memakai beret berwarna hitam. Lencana beret dipasang 1cm dari tapak beret. Kedudukan lencana 2 cm di atas kening mata sebelah kiri.
- ii. Bagi kadet perempuan dibolehkan memakai tudung kepala berwarna hitam menutupi keseluruhan rambut dan dimasukkan ke dalam bahagian kolar baju atau skaf rambut berwarna hitam.

\*\*\* Lihat Lampiran 9

**8.2.2 Pakaian No. 4**

**a. Baju** – Kelabu Gelap Pertahanan Awam

Kemeja lengan panjang berkolar jenis “ stand collar “ mempunyai empat poket, dua di bahagian atas dan dua di bahagian bawah yang berbentuk “ box pocket “. Terdapat dua “ appaulette “ di kedua belah bahagian bahu. Alas bahu berbentuk separuh bulatan dibuat di bahagian kiri dan kanan bahu “ two piece yok serta tie belt “ terdapat pada bahagian pinggang. Pada bahagian depan baju “ strap line “ terdapat enam butang dimana satu butang di bahagian atas dan lima butang di bahagian dalam ( conceal button ). Berlengan panjang dan terdapat alas siku serta “ cuff “.

**b. Seluar** – Kelabu Gelap Pertahanan Awam

Potongan biasa ( straight cutting ) tanpa “ pleat “. Mempunyai tiga “ belt loop “ dan “ buckle “ pada bahagian pinggang. Terdapat tiga jenis poket iaitu “ slanting pocket “ pada bahagian depan, “ patch pocket with flap “ pada bahagian tepi dan “ single jatted pocket with flap “ pada bahagian belakang. Di bahagian “ fly “ menggunakan zip pada lapisan dalam. Alas lutut terdapat di kedua-dua bahagian kiri dan kanan lutut.

**c. Tali Pinggang** – Saiz besar uniform No. 4 Pertahanan Awam

#### **d. Pakaian Seragam Kepala**

Sama seperti dalam 8.2.1 ( d )

*\*\*\* Semua tanda pangkat kadet dipakai di bahagian "appaulette" bahu kiri dan kanan.*

*\*\*\* Lihat Lampiran 9*

### **8.3 PAKAIAN SERAGAM GURU**

8.3.1 Pegawai Penyelaras Kadet adalah layak menerima pakaian seragam sepertimana yang diperuntukkan dalam Arahan Jabatan Bil 5 Tahun 1995.

8.3.2 Guru Penasihat Kadet Pertahanan Awam yang tidak bertauliah tidak layak diperuntukkan uniform.

### **8.4 MEMBERI HORMAT**

Semua anggota Kadet Pertahanan Awam yang berpakaian seragam lengkap atau separuh lengkap hendaklah memberi hormat kepada anggota atau pegawai yang lebih tinggi pangkatnya di dalam pasukan sendiri atau daripada mana-mana pasukan lain.

### **8.5 KEHADIRAN**

8.5.1 Semua anggota perlu menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah masa latihan yang ditetapkan.

8.5.2 Pegawai Penyelaras / Guru Penasihat mesti hadir bersama anggota kadet sewaktu latihan/ aktiviti dijalankan.

8.5.3 Rekod kehadiran hendaklah dibuat secara jujur dan disimpan dengan sempurna.

8.5.4 Ketidakhadiran hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang berkenaan.

8.5.5 Kehadiran anggota kadet untuk aktiviti luar kawasan sekolah wajib mendapat kebenaran waris.

8.5.5 Latihan mingguan yang dijalankan oleh Pegawai Penyelaras diiktiraf sebagai ganti kehadiran latihan mingguan di pejabat Pertahanan Awam masing-masing dan layak untuk menuntut elaun latihan termasuk jurulatih Pertahanan Awam.

8.5.6 Pegawai Penyelaras digalakkan menyertai program-program Pasukan Pertahanan Awam di tempat masing-masing.



Pakaian Seragam No. 3 (Lelaki)



Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi Kiri



Pandangan Sisi Kanan

\* Nota : Pemakaian Jambul, Mufla, Selempang, Anklet dan Sarung Tangan Putih Adalah Opsyenel (Kegunaan Semasa Acara Perbarisan)

### Pakaian Seragam No. 3 (Perempuan)



Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi Kiri



Pandangan Sisi Kanan

\* Nota : Pemakaian Jambul, Mufla, Selempang, Anklet dan Sarung Tangan Putih Adalah Opsyenel (Kegunaan Semasa Acara Perbarisan)

## Pakaian Seragam No. 4 (Lelaki)



Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi Kiri



Pandangan Sisi Kanan

\* Nota : Pemakaian Jambul, Mufla, Selempang, Anklet dan Sarung Tangan Putih Adalah Opsyenel (Kegunaan Semasa Acara Perbarisan)

## Pakaian Seragam No. 4 (Perempuan)



Pandangan Hadapan



Pandangan Sisi Kiri



Pandangan Sisi Kanan

\* Nota : Pemakaian Jambul, Mufla, Selempang, Anklet dan Sarung Tangan Putih Adalah Opsyenel (Kegunaan Semasa Acara Perbarisan)

# **PENGHARGAAN**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

Bahagian Sekolah  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Panel Penggubal I – Bangi

Panel Penggubal II – Kuantan

Panel Penggubal III – Shah Alam

Panel Penggubal IV – Klang

dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung  
mahupun secara tidak langsung dalam  
menghasilkan buku Garis Panduan ini.